

Banjir: Penuntut tahun akhir UPM mati lemas

PEKAN 9 Jan. - Tiada apa yang dapat diungkapkan oleh seorang bapa, Johar Sulaiman, 60, selain merasa pilu dan sebak apabila tidak dapat menyelamatkan anak bongsunya, Fadzil Noor, 24, yang lemas akibat terjatuh ke dalam longkang dipeunuhi air banjir di Kampung Temai Hilir di sini, petang semalam.

Kejadian kira-kira pukul 6 petang itu berlaku ketika Johar dan anaknya yang merupakan penuntut tahun akhir di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor mahu menaiki bot fiber yang terletak di tepi jalan untuk ke rumah mereka yang masih ditenggelami banjir.

Menceritakan detik-detik itu, Johar yang merupakan Ketua Kampung Temai Hilir berkata, kejadian tersebut terjadi semasa Fadzil Noor yang ketika itu cuba untuk menaiki bot fiber.

"Tiba-tiba dalam sekelip mata saya melihat dia tergelincir ke

longkang besar yang agak dalam dan masih dipenuhi air banjir. Saya nampak dia mula terkapai-kapai.

"Saya benar-benar tergamam, namun saya nekad terjun ke dalam air untuk menyelamatkannya. Namun, usaha saya itu gagal," katanya di sini hari ini.

Johar berkata, dia cuba sedaya upaya mengangkat anaknya itu tetapi tidak berjaya kerana keadaan fizikal Fadzil Noor agak besar dan tegas.

"Keadaan juga menjadi makin susah kerana air sangat deras. Saya tetap berusaha memegang tubuh anak walaupun saya sendiri terteilan banyak air.

"Dalam keadaan cemas itu, isteri saya Rozilah Mohd. Razali yang turut melihat kejadian dari beranda rumah menjerit meminta bantuan. Beberapa penduduk kampung kemudiannya datang membantu menarik anak saya," katanya.

Menurut Johar, selepas berjaya

dinaikkan ke darat, anaknya itu diberikan bantuan pernafasan selain dadanya ditekan bagi memastikan jantung berdegup sebelum bantuan ambulans dan anggota perubatan kecemasan tiba.

"Ketika itu banyak air yang keluar dari mulut serta hidung anak saya dan keadaannya disahkan kritisikal ketika dikejarkan ke Unit Kecemasan Hospital Pekan (HP) bagi menjalani rawatan lanjut.

"Namun, anak saya kemudianya disahkan meninggal dunia semasa dalam perjalanan," katanya.

Jenazah Fadzil Noor yang merupakan penuntut Fakulti Perhutanan, UPM itu selamat dikebumikan kira-kira pukul 11.30 malam tadi di Tanah Perkuburan Islam Kampung Serambi.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah, Superintendant Yahaya Othman ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan mengklasifikasikan kes sebagai mati mengejut.